

# Minyak masak bernilai RM77,500 dirampas

KPDNHEP Pahang bongkar kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi

Oleh NIK AMIRUL MU'MIN  
NIK MIN

KUANTAN

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang berjaya membongkar kegiatan penyelewengan minyak masak bersubsidi hasil serbuan ke atas sebuah premis yang sebelum ini dijadikan bengkel kenderaan berat di Lorong Seri Mahkota Aman 1 di sini petang kelmarin.

Timbalan Pengarah KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, dalam serbuan jam 4 petang itu, empat pekerja syarikat berusia 30 hingga 50 tahun ditahan manakala sebanyak 31,000 kilogram (kg) minyak masak bersubsidi bernilai RM77,500 dirampas.

Turut dirampas tiga lori termasuk sebuah lori tangki yang dianggarkan bernilai lebih RM200,000.

Menurutnya, hasil risikan, syarikat berkenaan didapati mengutip minyak masak bersubsidi



Ahmad Fitri menunjukkan minyak masak bersubsidi yang dilihi dalam puluhan tong plastik sebelum dipasuk ke tangki simpanan di Kuantan malam kelmarin.

di daripada syarikat pembungkusan bahan masakan itu dari sekitar Kuantan sebelum mengumpulnya di premis berkenaan dipercayai untuk diseludup atau dijual kepada pihak industri pada harga lebih tinggi.

Katanya, bagi mengaburi mata pihak berkuasa, syarikat berkenaan menggunakan dua lori satu tan yang dilengkapi tangki plastik yang kelihatan kotor pada bahagian luarnya seolah-olah digunakan untuk mengisi minyak masak terpakai.

"Mereka turut memasang pleklet pada lori bagi membuktikan mereka menjalankan perniagaan mengutip minyak masak terpakai berlesen."

"Bagaimanapun, hasil periksa mendapati tangki

berkenaan sebenarnya berisi minyak masak bersih yang dikutip dari syarikat pembungkusan bahan itu di sekitar daerah ini," katanya pada sidang media di sini malam kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya sudah mengenal pasti pemilik premis dan akan diambil keterangan bagi membantu siasatan.

Menurutnya, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengejar pembekal dan pembelinya.

"Kita percaya, kegiatan ini dididangsi sindiket yang mempunyai rangkaian di negeri lain terutama negeri yang bersempadan dengan negara jiran," katanya.

Beliau berkata, kes penyelewengan minyak masak bersubsidi itu adalah yang pertama di Pahang tahun ini.